



Sehari di Kampung Sambah, Tuaran, Sabah

oleh Raja Rosila Bt Raja Berahim & Dr. Nur Ilianis Bt. Adnan

Satu rombongan UiTM Cawangan Pulau Pinang yang terdiri daripada pensyarah dari APB dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni telah berangkat ke Kolej Kiara yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah bagi melaksanakan program khidmat masyarakat secara kolaborasi. Ketibaan rombongan telah disambut mesra oleh warga Kolej Kiara. Program khidmat masyarakat ini telah dijalankan di dua tempat iaitu di Kolej Kiara dan di Kampung Sambah yang merupakan kampung angkat Kolej Kiara. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah disusun dan dilaksanakan di kedua-dua lokasi tersebut.

Pada hari kedua, rombongan UiTM CPP dan staf Kolej Kiara telah berangkat ke kampung Sambah dengan menggunakan kenderaan darat. Setibanya di kampung atas air tersebut, rombongan telah disambut mesra oleh para guru, murid dan penduduk kampung. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah diadakan bersama murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sambah. Aktiviti pertama yang diadakan ialah sesi suai kenal bersama para guru dan murid. Ini diikuti oleh aktiviti penyerahan



Aktiviti penyerahan buku bagi aktiviti penyediaan sudut bacaan.



Guru Besar Sek. Keb Sambah memberikan kuih tradisional yang dibuat sendiri oleh penduduk Kg. Sambah

buku oleh PM Ts. Dr. Kay Dora kepada semua murid untuk diletakkan ke dalam rak buku sempena program menyediakan sudut bacaan. Dengan itu, Program Khidmat Masyarakat tersebut telah dirasmikan. Seterusnya, telah berlangsungnya aktiviti pembelajaran melalui permainan yang menguji pengetahuan kosa kata bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid.

Selain di sekolah, beberapa program turut diadakan di masjid kampung tersebut. Antaranya ialah program motivasi kerjaya dan penyerahan set penjagaan diri. Program motivasi kerjaya telah dikendalikan oleh PM Dr. Kay Dora dan Ts. Dr. Ikmal selaku penceramah dan ianya telah mendapat sambutan baik daripada ibu bapa dan golongan belia di kampung tersebut. Melalui program ini, penceramah telah memberikan penerangan umum mengenai UiTM dan juga peluang untuk melanjutkan pelajaran di pelbagai peringkat di seluruh cawangan UiTM. Namun begitu, penekanan telah diberikan kepada peringkat pra-diploma atau Pra Pengajian Tinggi (PPT). Pada masa yang sama, penceramah juga telah memberi semangat dan kata-kata positif kepada murid-murid supaya belajar

continued on the next page ...

Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

... continued from the previous page

bersungguh-sungguh hingga ke menara gading bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.



Penceramah sedang memberikan informasi berkenaan UiTM dan peluang untuk melanjutkan pelajaran di UiTM CPP khususnya

Sebelum program berakhir semua penduduk kampung telah diberikan set penjagaan diri bernilai RM30. Set penjagaan diri tersebut adalah satu usaha untuk menyedarkan penduduk kampung tentang kepentingan aspek penjagaan dan kebersihan diri. Murid-murid sekolah juga telah diberikan set alat tulis dan buku nota sebagai tanda terima kasih dan penghargaan atas penglibatan mereka.



Aktiviti penyerahan set penjagaan diri kepada penduduk kampung dan set alat tulis kepada murid.

Keikhlasan penduduk kampung menerima kedatangan kami dapat dilihat daripada riak wajah dan layanan mereka terhadap kami. Sebelum berangkat pulang kami telah disajikan dengan hidangan tengahari yang sangat sedap yang bersumberkan makanan laut hasil tangkapan dan temakan penduduk kampung. Semoga kerjasama seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Makan tengahari dan bergambar bersama dengan penduduk Kg. Sambah.